

# BUDAYA DI BALIK PENULARAN VIRUS

Teks: Zulkifli Salleh



Sebaik sahaja penularan virus korona dari Wuhan, China, diketahui umum dan puncanya dikenal pasti, iaitu makan haiwan eksotik, kedengaran stigma sosial, iaitu "tabiat orang China." Di sesetengah tempat di negara asing, berlaku rasisme dan xenofobia terhadap orang China. Pada 29 Januari 2020, akhbar tabloid Australia, *Herald Sun* muncul dengan halaman hadapan yang bertajuk "*Chinese Virus Pandamonium*", yang dianggap bersifat rasist.

Oleh sebab pandemik COVID-19 itu berpunca dari China, Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, tidak teragak-agak menyebut "Virus China" sehingga mencetuskan keberangan Beijing dan menambahkan lagi kebencian orang Amerika terhadap orang Asia, meskipun sebutan itu tidak tepat. Sementara itu, Senator John Cornyn menyalahkan China kerana wabak COVID-19 dan beberapa epidemik lain yang tular dari negara itu sejak dua dekad lalu. Menurut beliau, China seharusnya

dipersalahkan kerana budaya memakan haiwan eksotik, seperti kelawar, ular dan anjing.

Yi-Zheng Lian yang menulis dalam *The New York Times*, "Why Did the Coronavirus Outbreak Start in China?" cuba menjelaskan bahawa punca budaya wabak ini. Menurut Lian, pastinya virus ini bukannya buatan China, meskipun asal usulnya dijejak dari sebuah gua di China. Dari satu segi yang lain, wabak selalunya disebabkan oleh masyarakat atau politik. Kebuluran misalnya, merupakan buatan manusia, meskipun kemarau berlaku secara semula jadi. Dalam hal penularan wabak ini, dua faktor budaya membantu menjelaskan kejadian semula jadi; seekor virus menjangkiti seekor mamalia dapat melata ke dalam krisis kesihatan global. Kedua-dua faktor itu merupakan contoh unggul, meskipun bukan unik bagi masyarakat China.

Yang pertamanya, budaya menghukum orang yang bercakap benar. Budaya ini merupakan amalan standard elit pemerintahan China sejak lebih dua alaf dan merupakan cara yang diwujudkan



Pembersihan dilakukan bagi mencegah penularan COVID-19 di Itali.

untuk kestabilan negara itu. Faktor budaya yang kedua ialah kepercayaan masyarakat China tradisional tentang "khasiat" makanan tertentu yang melahirkan tabiat berbahaya, iaitu budaya pemakanan yang dikenali sebagai *jinbu*, yang bermaksud memenuhi kekosongan. Bagi golongan lelaki, sememangnya penting untuk memenuhi kekosongan tenaga yang berkaitan dengan sifat kelelahan, manakala bagi wanita, penekanan terhadap menggantikan darah untuk menambahkan kecantikan dan kesuburan. Bagi mereka, tumbuhan dan haiwan eksotik yang hidup secara liar dianggap mempunyai khasiat terbaik, khususnya apabila dimakan secara segar atau mentah.



Para petugas perlu memakai pakaian perlindungan khas bagi mengelak jangkitan virus.

Melalui penularan virus ini juga, kita dapat menyaksikan kepercayaan dan budaya tradisional mempengaruhi masyarakat sehingga mengaburkan pandangan mereka terhadap pakar perubatan dan arahan kerajaan. Di India misalnya, terdapat sekumpulan masyarakat negara itu menganjurkan majlis minum air kencing lembu kerana percaya amalan ini dapat mencegah virus korona. Majlis itu berlangsung di New Delhi dan pihak penganjur berharap dapat mengadakan majlis yang sama di tempat lain di seluruh negara. Walau bagaimanapun, para pakar perubatan berulang-ulang kali menegaskan bahawa air kencing lembu tidak menyembuhkan penyakit dan mencegah virus korona.

Di Malaysia, meskipun masyarakat diberitahu bahawa pembendungan terhadap virus ini bergantung pada diri mereka sendiri, seperti jaga kebersihan, tidak berkumpul, dan mengamalkan penjarakan sosial, tetapi masih ada orang yang bersikap acuh tak acuh. Masyarakat masih berkumpul untuk pelbagai tujuan, seperti aktiviti keagamaan, majlis perkahwinan dan beriadah. Pendek kata, kehidupan sosial sukar dihentikan, meskipun berlakunya krisis kesihatan yang runcing.

Sejak malam 16 Mac 2020, apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020,

masyarakat terus membanjiri pasar raya dan berasak-asak di perhentian bas untuk pulang ke kampung halaman masing-masing. Bahkan, sehari selepas pengumuman itu, ribuan orang menyerbu balai polis untuk meminta borang izin untuk pulang ke kampung halaman di negeri lain. Pada hari

pertama penguatkuasaan itu, warga kota mula meninggalkan bandar raya dan masih ada yang berpusu-pusu di tempat awam. Oleh sebab itu, Tan Sri Muhyiddin muncul sekali lagi pada sebelah malamnya, dengan nada merayu, meminta supaya masyarakat duduk di rumah masing-masing.

Rakyat Itali juga dikatakan mempunyai tabiat yang sama seperti rakyat Malaysia ketika mula-mula dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan. Mereka dikatakan mempunyai sifat manja dan degil. "Rumah tempat pertama dan pejabat tempat kedua," tulis Ray Oldenburg dalam bukunya, *The Great Good Place: Cafes, Coffee Shops, Bookstores, Bars, Hair Salons and Other Hangouts at the Heart of Community*. "Tempat ketiga ialah kafe, kedai kopi, kedai buku, salun, dan sebagainya," tambah Oldenburg. Dalam hal ini, oleh sebab rakyat Itali tidak lagi berulang-alik ke tempat kedua, iaitu pejabat, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan, mereka sepatutnya duduk di tempat pertama, iaitu rumah,



Suasana pembelian panik setelah Perdana Menteri Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan.

sepanjang masa. Namun begitu, sesetengah rakyat Itali masih cenderung memilih tempat ketiga untuk tujuan kehidupan sosial. Di Malaysia, akhbar *The Star* pada 20 Mac 2020 melaporkan warga emas masih mengunjungi kedai kopi K'Yong Muhibbah Ceria di Balik Pulau, Pulau Pinang, untuk minum sambil



Orang ramai menyerbu balai polis untuk mengisi borang pelepasan pulang ke kampung.

melepak, meskipun tuan kedai meminta mereka beredar.

Anne Applebaum menulis dalam *The Atlantic*, "*Epidemics Reveal the Truth About the Societies They Hit*" menegaskan bahawa masyarakat mahukan maklumat tepat, bukannya maklumat yang dipolitikkan. Epidemik, sama seperti bencana, memerlukan bentuk pendedahan yang benar dan tulen untuk masyarakat yang dilanda bencana itu. China telah membayar harga yang tinggi kerana kerahsiaan mereka. Budaya birokratik turut membawa kepada penyembunyian penyakit ini daripada diketahui umum dan akhirnya membawa padah. Dalam hal ini, alasan orang Itali tidak panik dan terus menjalani kehidupan bersosial disebabkan oleh mempunyai keyakinan terhadap sistem kesihatan awam mereka.

Kerebakan virus COVID-19 juga mendorong pembicaraan karya fiksi yang pernah diterbitkan untuk perhatian orang ramai masa ini. Antaranya termasuklah karya *The Plague* yang merupakan novel Albert Camus paling berjaya, turut disoroti oleh Applebaum. Oleh sebab pengalaman dan pemerhatian yang



Kesesakan di Terminal Bersepadu Selatan sejurus PKP diumumkan.



Gelandangan di sekitar Kuala Lumpur diberikan perlindungan di tempat khas bagi mencegah jangkitan COVID-19.

tajam, maka perihalan Camus tentang wabak dan kesengsaraan adalah luar biasa, terang dan tulus ikhlas.

"Sebahagian daripada masalah ialah bahaya yang tidak dapat dilihat," tegas Applebaum. Beliau seterusnya memetik kata-kata Camus, "Wabak tidak mempunyai dimensi seperti manusia. Oleh hal yang demikian, orang ramai memberitahu diri sendiri bahawa wabak itu tidak benar dan merupakan mimpi buruk yang akan berakhir." Yang pastinya, kata-kata ini banyak menjelaskan situasi semasa. Kebanyakan orang tidak menjangkakan bahawa sesuatu yang tidak nampak dapat mengubah rancangan mereka. Diterbitkan pada tahun 1947, *The Plague* sering kali dibaca sebagai alegori atau keadaan manusia. Buku ini juga dapat dijadikan rujukan tentang wabak dan tindak balas manusia terhadap wabak.

Perhatian juga tertumpu terhadap novel pengarang Amerika Dean Koontz pada tahun 1981 meramalkan penularan virus korona sekitar tahun 2019 hingga 2020. Teorinya ini telah dikongsikan di media sosial secara meluas. Dalam *The Eyes of Darkness*, Koontz mengisahkan perihai virus korona. Namun begitu, meskipun betul bahawa Koontz menulis tentang virus fiksi dalam novelnya dengan nama "Wuhan-400", penyakit dalam novel itu tidak mempunyai persamaan dengan sifat COVID-19. Dalam novelnya, Koontz mengisahkan "Wuhan-400" sebagai "senjata biologi baharu pada dekad ini". Beliau juga menulis "Wuhan-400" dihasilkan oleh sebuah makmal di luar ibu negeri Wuhan.

Menurut Adam Roberts, yang muncul dengan tulisan "*Fever Dreams: Did Author Dean Koontz Really Predict Coronavirus?*" dalam *The Guardian*, bermula dengan virus "Wuhan-400" yang direka oleh Dean Koontz kepada wabak yang dilepaskan dalam *Oryx and Crake* karya Margaret Atwood, para novelis sebenarnya telah lama terpesona dengan kisah berunsur pandemik. Hal ini turut diperkatakan dalam puisi purba Greek yang dinyatakan dalam buku *The Iliad and Homer* bahawa orang Yunani tidak menghormati seorang paderi Apollo. Maka, berlaku penularan wabak penyakit selama sembilan hari. Apabila orang Yunani mengakui kesilapan mereka dan mengorbankan biri-biri dan kambing untuk Apollo, wabak sembuh.

Tujuh abad kemudian, wabak turut melanda Periclean Athens, membunuh satu perempat penduduk kota itu dan negara di ambang kekalahan di tangan orang Sparta. Melihat kesengsaraan musuh, orang Sparta merayu kepada tuhan untuk memberikan kemenangan kepada mereka. Tidak lama selepas itu, musuh Sparta mati kerana wabak.

Kisah wabak dalam novel dan juga filem, seperti *Contagion* dan *Outbreak*, bukan sahaja menunjukkan bahawa wabak merupakan isu kegemaran bagi para karyawan, tetapi juga merupakan sebahagian daripada budaya manusia yang wujud sejak zaman purba. Dalam dunia nyata, masyarakat daripada pelbagai agama turut mengaitkan wabak yang melanda di dunia dengan kemurkaan dan hukuman Tuhan terhadap manusia kerana mengamalkan sesuatu yang bercanggah dengan ajaran agama dan norma sosial. 